



**PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA**  
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: RM8,500 milik pengurus lading lesap angkara scammer Language: Malay

Publication/Portal: Kosmo  
Date: 2 March 2021

Section: Negara  
Page: 14

## RM8,500 milik pengurus ladang lesap angkara scammer



WAZIR

**KUANTAN** – Seorang pengurus ladang di Mentakab, Temerloh dekat sini menjadi mangsa sindiket penipuan panggilan telefon yang menyamar sebagai pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) semalam.

Dalam kejadian itu, mangsa yang berusia 44 tahun mengalami kerugian sebanyak RM8,500 selepas dia didakwa mempunyai tunggakan cukai.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Supe-

rintendan Mohd. Wazir Mohd. Yusof berkata, mangsa menerima panggilan telefon daripada seorang individu menggunakan nombor 017-8629575 dan mendakwa daripada LHDN Cyberjaya.

“Suspek mengatakan syarikat milik mangsa mempunyai tunggakan cukai yang belum dijelaskan sebanyak RM38,000.

“Dia (mangsa) menafikan hal tersebut kerana tidak mempunyai syarikat,” katanya di sini se-

malam.

Tambah beliau, suspek memberitahu kad pengenalan mangsa mungkin diguna pihak lain untuk mendaftar syarikat dan meminta dia membuat laporan polis.

Katanya, talian telefon kemudian disambung kepada individu menyamar polis yang kononnya sedang bertugas di Ibu Pejabat Polis Daerah Kuantan di sini.

“Sejurus talian disambungkan, suspek menyamar polis itu menyuruh mangsa memuat tu-

run aplikasi palsu Bank Negara, MyBNM dan mengarahkan mangsa mengisi butiran dokumen peribadi serta maklumat perbankan termasuk kata laluan akaun online dan nombor PIN kad bank

“Mangsa juga disuruh meminudahkan wang daripada akaun miliknya kepada akaun suspek.

“Mangsa yang curiga kemudian memeriksa baki akaun dan mendapati sejumlah wang telah dipindahkan ke dalam akaun milik seorang wanita,” katanya.